

TALKING POINTS
YBHG. PROF DATUK DR SHAHRIN SAHIB
NAIB CANSELOR

MAJLIS RAMAH MESRA ALUMNI UTeM YANG BERKHIDMAT
DI UTeM BERSAMA NAIB CANSELOR

09 MAC 2016 (RABU), 3.00 PETANG
DEWAN UTeM KAMPUS TEKNOLOGI

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Yang Berusaha Encik Azrul bin Aziz

Timbalan Presiden Persatuan Alumni UTeM

Merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti

Pegawai-pegawai dan staf Pejabat Penolong Naib Canselor, Jaringan Industri & Masyarakat

Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Alumni UTeM (AUTeM)

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

- Terima kasih kepada semua Alumni UTeM yang sudi hadir ke majlis pada petang ini.
- Terima kasih kepada Pejabat PNC (JIM) di atas inisiatif mengaturkan perjumpaan ini.

ALUMNI SEBAGAI PENGGERAK UTeM

- Sejak dari tahun 2005, UTeM telah menghasilkan seramai **17,734** **graduan** dari **pelbagai peringkat pengajian**.
- Sehingga kini, **jumlah alumni yang berkhidmat di UTeM** kini **adalah seramai 102 orang** dan yang aktif adalah seramai **81 orang**
- **Pemeriksaan Alumni UTeM** merupakan satu **agenda penting** untuk dilaksanakan dalam tahun ini.

SUMBANGAN ALUMNI KEPADA UTeM

- Alumni mampu **memberi kekuatan dan pulangan** dalam bentuk yang berbeza kepada universiti.
- **Menjalin kerjasama dengan universti** dalam apa jua cara yang memberi kebaikan bersama.

- Sebagai contoh, kejayaan alumni UTeM dalam bidang perniagaan, boleh dikongsikan kepada para pelajar sebagai **sumber inspirasi** untuk berjaya dalam **bidang keusahawanan**.
- Sumbangan lain seperti **perkongsian pengalaman, khidmat konsultansi atau menjadi pemudah cara** di bidang-bidang yang berbeza kepada pelajar-pelajar dalam memberi suntikan semangat untuk terus berjaya.

TABUNG WAKAF RUMAH ALUMNI DAN KERJAYA UTeM

- Pihak universiti telah menubuhkan **Tabung Wakaf Rumah Alumni dan Kerjaya UTeM** untuk mengutip sumbangan dari alumni-alumni untuk tujuan pembangunan unviersiti
- **Selaras dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi** supaya universiti mengajak alumni-alumni untuk bersama bergerak membangunkan unviersiti.

- Tabung ini akan diuruskan oleh PPNC-JIM dan digerakkan bersama Persatuan Alumni UTeM

CADANGAN PEMBINAAN RUMAH ALUMNI

- Sebagai **pusat pengoperasian aktiviti/kegiatan** Persatuan Alumni UTeM.
- Mendekatkan **hubungan dengan universiti**
- Dilengkapi dengan pejabat, dewan aktiviti, bilik mesyuarat dan sebagainya.

PENGESANAN DATA GRADUAN

- Pejabat Penolong Naib Canselor, Jaringan Industri & Masyarakat sedang menilai kebolehpasaran graduan yang keluar dari universiti ini.

- Universiti dalam usaha **mengumpulkan data alumni** tentang bidang pekerjaan, jawatan dan pangkat sebagai satu keperluan di dalam laporan keberkesanan silibus sistem pembelajaran di UTeM untuk panel penilai akreditasi EAC.
- Dapat mengenalpasti **kekuatan dan kualiti alumni UTeM** setelah menamatkan pengajian.

PENUTUP

- Meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni yang berada di UTeM untuk **menabur bakti kepada universiti ini**.
- Permata-permata ini telah pun kita ambil bekerja mencari rezeki disini dan berharap ia bersinar **memberi kebaikan kepada orang lain**.

- Berharap **hubungan ini tidak terhenti** di sini sahaja, malah ia seharusnya berterusan dan berpanjangan menjangkau generasi.

Pergi ke pekan membeli laksa,
Rasanya masin, kuahnya kurang,
Peranan Alumni terus diperkasa,
Menggerak UTeM terus gemilang.

Letih berjalan di tengah pekan,
Singgah sebentar di gerai siti,
Terima kasih kami ucapkan,
Atas segala jasa dan bakti.

Sekian, terima kasih.